



**MENTERI SUMBER MANUSIA MALAYSIA
(Minister of Human Resources Malaysia)**

**KENYATAAN MEDIA
MANGSA KEMALANGAN DISELAMATKAN MENERUSI FAEDAH-FAEDAH PERKESO**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) hari ini menyampaikan faedah pemulihan kepada Orang Berinsurans (OB) yang mengalami **Kecederaan Otak Traumatik Teruk (Severe Traumatic Brain Injury)** setelah terlibat dalam nahas jalan raya ketika pulang bekerja dari Bukit Bintang ke Puchong, Selangor pada 12 April lalu.
2. Kemalangan tersebut menyebabkan mangsa, **Vijaya Kumaran A/L T. Veerasamy**, 51 tahun, mengalami masalah pendarahan parah di kepalanya. Semalam (23 November 2020), beliau yang masih menerima rawatan perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) terpaksa menjalani **pembedahan implan tempurung kepala sebelah kiri**. Kos implan ditafsirkan berjumlah **RM23,000** dan **ditanggung sepenuhnya** oleh agensi KSM, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
3. Sejak kemalangan tersebut, keadaan pesakit dilaporkan semakin teruk di mana anggota badan sebelah kanannya kian lemah sehingga beliau terpaksa bergantung kepada isteri serta dua orang anak perempuan untuk bergerak. Vijaya kemudiannya terpaksa menjalani pembedahan, di mana isteri beliau tidak dapat menampung kos implan yang tinggi. Mengetahui perkara ini, PERKESO telah menawarkan bantuan pemulihan.
4. Semakan yang dibuat oleh PERKESO telah mendapati bahawa Vijaya, yang merupakan pekerja am di syarikat pengurusan sisa pepejal Alam Flora Sdn. Bhd., mencarum dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

5. Caruman yang dibuat memenuhi syarat kelayakan di bawah **Skim Bencana Pekerjaan** dan membolehkan beliau menerima bantuan **Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)**, **Faedah Perubatan** dan **Faedah Pemulihan** menerusi **Program Return To Work (RTW)**.
6. Faedah telah disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan di Wad Neurologi, HKL pada hari ini. Hadir sama ialah Ketua Eksekutif PERKESO, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed dan wakil Alam Flora Sdn. Bhd., Encik Kuit Kheng Keong.
7. **FHUS** adalah faedah tunai dalam Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta 4 yang dibayar kepada pekerja sepanjang tempoh cuti sakitnya yang disahkan oleh doktor. **Faedah Perubatan** pula menyediakan rawatan perubatan secara percuma kepada OB yang mesti diperolehi dari hospital Kerajaan, termasuklah rawatan pakar sekiranya perlu.
8. Sementara itu, **Program Pengurusan Hilang Upaya, RTW** adalah satu program pemulihan yang komprehensif dan berasaskan kaedah pelbagai disiplin (*multi-disciplinary approach*) supaya bantuan pemulihan awal dapat diberikan dengan objektif membantu pencarum yang cedera atau menghadapi penyakit untuk dipulihkan dan dapat kembali bekerja secepat mungkin.
9. KSM berharap bantuan faedah dan sokongan daripada PERKESO termasuk program rehabilitasi dapat memulihkan Vijaya sehingga beliau mampu berdikari semula. Keadaan dan perkembangan beliau akan dipantau oleh Pengurus Kes PERKESO.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
24 November 2020